

Sokongan merosot kerana perangi rasuah

> PM pastikan parti pemerintah tidak ulangi kesilapan kerajaan dahulu

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui sokongan kepada kerajaan Pakatan Harapan

(PH) dan kepemimpinan beliau merosot disebabkan ada pihak tidak senang hati dengan ketegasan kerajaan membanteras rasuah.

Perdana Menteri, bagaimanapun, menegaskan kerajaan akan terus memerangi rasuah yang me-

rosakkan negara dan akan memastikan parti pemerintah tidak mengulangi kesilapan kerajaan terdahulu yang terpalit salah guna kuasa dan penyelewengan.

Katanya, di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu, ada pihak sudah biasa mengamalkan rasuah dan kini mereka kehilangan punca pendapatan haram itu selepas kerajaan baharu berusaha menyekat perbuatan terbabit.

“Dulu kita tahu ada orang tertentu dapat perlindungan daripada jentera dan pegawai kerajaan kerana rasuah. Apabila kita usaha menghentikannya, maka pegawai kerajaan tertentu ini tiada pendapatan tambahan dan mereka kecewa. Mereka rasa kerajaan kleptokrasi lebih baik daripada kerajaan demokrasi.

“Sebab itu sokongan kepada kerajaan ini dan saya sendiri merosot tetapi kita akan terus bersihkan negara daripada rasuah kerana rasuah akan hancurkan negara dan menyebabkan kos hidup mening-

kat kerana setiap yang kita belanja kena tambah kos rasuah,” katanya pada Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri di sini, semalam.

Jangan terima duit rasuah

Perdana Menteri turut mengingatkan pegawai dan jentera kerajaan jangan mengambil walau satu sen pun duit rasuah atau hadiah daripada pihak yang ingin balasan.

Beliau berkata, berbanding pegawai kerajaan pada zaman pemerintahan British yang mengamalkan gaya hidup Barat seperti meminum arak, pegawai kerajaan sekarang dilihat lebih kuat pegangan agama. Namun, apabila ditawarkan rasuah, mereka tetap menerimanya.

“Sekarang (pegawai kerajaan) lebih warak dari dulu...ramai ada tanda di dahi kerana tak tinggal solat lima waktu. Jelas karakter pegawai kerajaan sudah bertukar, pegangan agama lebih kuat, pergi umrah tiga empat kali, tetapi kita

dapati bila duit datang (ditawarkan rasuah) terima juga.

“Ini yang peliknya, kalau arak itu haram, rasuah juga haram kerana boleh rosakkan negara. Kalau hapus rasuah, pentadbiran kita lebih licin. Sebab itu anggaplah rasuah haram, sama seperti minuman yang haram. Kalau ada sifat macam itu, kita tak akan hadapi benda yang jijik ini.

“Saya yakin apabila tolak rasuah secara menyeluruh, maka negara kita akan jadi negara maju, dihormati dan jadi contoh kepada dunia. Saya harap sifat ini ada dalam diri setiap seorang daripada kita,” katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat tentu tidak menolak kerajaan yang mentadbir negara selama 61 tahun jika pemimpinnya tidak mengamalkan rasuah dan salah guna kuasa, sebaliknya kerajaan terdahulu itu melakukan banyak kerosakan hingga dikenali sebagai kerajaan penyangak.

“Rakyat tak nak (kerajaan ter-

babit rasuah) sebab itu kerajaan lama dijatuhkan. Apakah kerajaan baharu juga akan jadi penyangak? Mungkin kalau kita tak jaga-jaga tetapi setakat ini belum nampak kecenderungan salah guna kuasa,” katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak bimbang dengan hasil kajian firma tinjauan pendapat awam, Merdeka Center, yang menunjukkan kemerosotan tahap sokongan rakyat terhadap kerajaan PH.

“Bila kita buat sesuatu, sudah tentu ia membuka kepada kritikan, bila berada dalam pembangkang kamu tidak buat apa-apa kecuali mengkritik. Kita tahu bila jadi kerajaan kita akan dikritik dan hilang sedikit populariti,” katanya.

Ditanya adakah ia akan menjejaskan sokongan rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), Dr Mahathir berkata ia masih jauh namun buat masa sekarang kerajaan memberi tumpuan untuk membersihkan kerosakan yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu.